



## Berita Harian

03-Jun-2011

Page: 39

Business & Finance

By: Che Wan Badrul Alias [bhbiz@bharian.com.my](mailto:bhbiz@bharian.com.my)

Market: Malaysia

Circulation: 160597

Type: Malaysia - Malay Newspapers

Size: 298.31 sq.cms

Frequency: MTWTFS

# IPO MSM Malaysia RM3.38 seunit

234.56 juta saham disenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia

Oleh Che Wan Badrul Alias

[bhbiz@bharian.com.my](mailto:bhbiz@bharian.com.my)

**M**SM Malaysia Holdings Bhd, iaitu sayap perniagaan gula FELDA Global Ventures Holdings Sdn Bhd melancarkan tawaran awam permulaan (IPO) sempena penyenaraiannya di Pasaran Utama Bursa Malaysia membabitkan 234.56 juta saham.

Daripada jumlah itu, 206.44 juta saham diperuntukkan kepada pelabur institusi, yang mana 73.811 juta untuk pelabur institusi terpilih tempatan dan asing; 80.8 juta untuk institusi terpilih Bumiputera; dan 51.79 juta untuk Koperasi Permodalan Felda Malaysia Bhd (KPF).

Sebanyak 28.12 juta saham pula ditawarkan kepada pelabur runcit, dengan 14.06 juta adalah untuk langganan awam, manakala 14.06 juta lagi untuk kakitangan syarikat itu dan anak syarikatnya yang layak.

Bagi saham yang diperuntukkan kepada pelabur runcit, ia ditawarkan pada harga RM3.38 seunit atau 97 peratus daripada harga mukta-mad bagi bahagian peruntukan pelabur institusi yang akan ditetapkan menerusi proses bidaan.

Berdasarkan harga tawaran bagi pelabur runcit itu, IPO itu bakal



*Justeru, rancangannya adalah untuk menggunakan dana itu bagi pertumbuhan yang mana salah satu daripada keutamaannya adalah untuk meneroka rantau Asean bagi melihat sama ada kami boleh*

*kembang perladangan gula* **99**

**Sabri Ahmad**

Presiden Kumpulan dan Ketua Eksekutif FELDA Global Group

menjana RM792 juta modal, yang mana RM422.5 juta akan diraih oleh MSM Holdings yang akan digunakan bagi perbelanjaan modal.

Harga itu juga meletakkan nilai syarikat gula terbesar negara itu pada RM2.4 bilion.

MSM Holdings selepas penyenaraiannya akan mempunyai saham berbayar berjumlah 702.98 juta.

Presiden Kumpulan dan Ketua Eksekutif FELDA Global Group, Datuk Sabri Ahmad berkata, sebahagian daripada RM422.5 juta yang dijana menerusi IPO itu akan digunakan bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran gula syarikat itu kepada 1.5 juta tan berbanding 1.1 juta tan ketika ini.

Antara langkah yang akan diam-bil katanya, termasuk membeli tanah di rantau ini bagi penanaman tebu, untuk memastikan bekalan gula yang mencukupi.

“Cabang penapisan gula (FELDA) ini adalah yang terbesar di Malaysia hari ini dari segi aktiviti hiliran (tetapi) kami mempunyai jurang yang besar dari segi aktiviti huluhan kerana kami mengimpor 95 peratus gula mentah.

“Justeru, rancangannya adalah untuk menggunakan dana itu bagi pertumbuhan yang mana salah satu daripada keutamaannya adalah untuk meneroka rantau ASEAN bagi melihat sama ada kami boleh kembangkan perladangan gula,” katanya pada sidang media selepas pelancaran prospektus IPO syarikat

itu di Kuala Lumpur, semalam.

Pelancarannya disempurnakan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin. Turut hadir Ketua Menteri Perlis, Datuk Seri Mohd Isa Sabu.

Sementara itu, Muhyiddin dalam ucapannya berkata, penyenaraian MSM Holdings itu mampu meningkatkan kedudukan Bursa Malaysia di kalangan komuniti pelaburan antarabangsa.

Katanya, penyenaraian itu juga akan merangsang syarikat pelaburan berkaitan kerajaan yang lain untuk mengurangkan pegangan saham mereka dalam syarikat berpotensi untuk meningkatkan lagi kecairan dan halaju perdagangan pasaran sekali gus membantu mencergaskan pasaran modal negara.

“Penyenaraian seperti ini sangat ditunggu-tunggu kerana kecairan dalam tawaran awam seperti ini yang agak besar dan mampu menarik minat pelabur domestik dan antarabangsa,” katanya.

